

# Majlis Fatwa benar SPR guna dakwat khas

**P**UTRAJAYA: Majlis Fatwa Kebangsaan semalam memutuskan penggunaan dakwat khas dari India bagi menanda jari pengundi pada pilihan raya umum akan datang, tidak melanggar hukum syarak.

Pengerusinya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata keputusan itu dibuat berdasarkan tiga alasan, iaitu dakwat berkenaan tidak mengandungi unsur najis, tidak menyekat air daripada sampai ke kulit dan tidak mendatangkan kemudaratan yang jelas untuk dipakai pada jari dan kuku.

"Selepas mendapat penjelasan daripada Jabatan Kimia dan kumpulan pengkaji di Universiti Kebangsaan Malaysia, kita membuat keputusan untuk membenarkan penggunaan dakwat itu.

"Justeru, tidak ada halangan dari segi hukum dan tidak ada keraguan," katanya pada sidang media selepas mempekerusikan mesyuarat Muza-karah Majlis Fatwa Kebangsaan di sini.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Muhammad Sheikh Abdul Aziz.

Baru-baru ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan cadangan menggunakan dakwat khas itu untuk menanda jari pengundi bagi mengelakkan penipuan dalam pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, kelmarin berkata fatwa berhubung penggunaan dakwat itu perlu dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan bagi mengelak keraguan dan kebimbangan umat Islam.

Dakwat berkenaan dikatakan meresap ke dalam kulit dan tidak dapat dipadamkan atau akan kekal pada jari selama dua hingga tiga hari.

Berikutan itu, Jakim menghantar sampel dakwat khas itu kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis bagi memastikan dakwat itu tidak mengandungi bahan najis yang boleh merosakkan ibadat umat Islam.

---

Oleh Azrina Ahzan